

Persepsi Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Telefon Mudah Alih dalam Kalangan Kanak- Kanak di Parit Raja, Johor

Yunos Ngadiman^{1,*} & Amanina Kamal¹

¹Department of Production and Operations Management, Faculty of Technology Management and Business, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, Johor, 86400, MALAYSIA.

*Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/rmtb.2021.02.01.046>

Received 01 March 2021; Accepted 30 April 2021; Available online 01 June 2021

Abstract: Today, in the era of modernization of technology, mobile telephone tools among these children are growing rapidly in Malaysia and have become a tradition of human everyday life. It has also brought various parental perceptions on the use of mobile phones among children. In order to address this issue, this study aims to identify parental perceptions on the use of mobile phones from aspects of purchasing, use and telephone ownership among children and determine the most influential aspects of parental perceptions on the use of mobile phones. Quantitative methods are used to collect data through structured questionnaires from 364 parents in Parit Raja, Johor. However, from 364 respondents but only 264 questions have been answered in the question of this study. The data obtained were analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) software version 24 to get the percentage value, mean and standard deviation. The main importance of this study is to identify the effect of the effectiveness of mobile phones among children. Based on this study, the level of mean analysis in positive items affects parental perceptions. Additionally, Spearman's correlation coefficient test shows that ownership, use and purchase is seen positively with parental perceptions. In conclusion, every parent and all parties should take note of and monitor the use of this mobile phone among childrens so that its does not bring harm using.

Keywords: Parental perceptions, Ownership, Use and purchase of mobile phones

Abstrak: Pada permodenan era teknologi masakini, penggunaan telefon mudah alih pada kalangan kanak-kanak ini berkembang dengan cepatnya di Malaysia dan telah menjadi tradisi kehidupan manusia dalam seharian. Ini juga telah membawa pelbagai persepsi ibu bapa terhadap penggunaan telefon mudah alih pada kalangan kanak-kanak. Dalam usaha untuk menangani isu ini, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti persepsi ibu bapa terhadap penggunaan telefon mudah alih daripada aspek pembelian, penggunaan dan pemilikan telefon mudah alih pada kalangan kanak-kanak dan menentukan aspek yang paling mempengaruhi persepsi ibu bapa

terhadap penggunaan telefon mudahalih kanak-kanak. Kaedah kuantitatif digunakan untuk mengumpul data melalui soal selidik berstruktur daripada 364 orang ibu bapa di Parit Raja, Johor. Walaubagaimanapun daripada 364 responden tetapi hanya 264 sahaja soal selidik telah dijawab dalam soalan kajian ini. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for Sosial Science (SPSS) versi 24 bagi mendapatkan nilai peratus, min dan sisihan piawai. Kepentingan utama kajian ini adalah untuk mengetahui kesan keberkesannya telefon mudahalih pada kalangan kanak-kanak. Berdasarkan kajian ini mendapati tahap analisis min dalam item positif mempengaruhi persepsi ibu bapa. Selain itu, ujian koefisien korelasi spearman menunjukkan bahawa pemilikan, penggunaan dan pembelian terlihat positif juga dengan persepsi ibu bapa. Kesimpulannya, setiap ibu bapa dan semua pihak perlu mengambil perhatian dan mengawasi penggunaan telefon mudahalih ini dalam kalangan kanak-kanak agar penggunaannya tidak membawa kemudaratan.

Kata Kunci: Persepsi ibubapa, Pemilikan, Penggunaan dan pembelian telefon mudahalih

1. Pengenalan

Pada masa kini, penggunaan mudahalih kerap digunakan di mana sahaja berada. Menurut (Manaf *et al.*, 2015) mengatakan bahawa penggunaan mudahalih ini bukan hanya sebagai trend, tetapi sebagai keperluan kepada semua lapisan masyarakat untuk berhubung, membuat carian maklumat dan berkomunikasi. Hal ini turut disokong oleh (Al-Barashdi *et al.*, 2015) mengatakan bahawa mudahalih ini juga merupakan alat yang sofistikated, dinamik serta bersifat mudahalih yang mudah dibawa dan mudah untuk mendapat maklumat tidak kira bila dan di mana jua. Kapasiti telefon pintar yang mampu beroperasi seperti komputer memberi banyak kemudahan kepada pengguna dan sekaligus meningkatkan tahap pemilikan telefon pintar serta cara dan tujuan penggunaannya kepada pengguna (Lim *et al.*, 2013). Melalui penggunaan mudahalih, banyak aktiviti boleh dilaksanakan termasuklah perkongsian maklumat, komunikasi, pelayaran internet, penghasilan dan pengeditan dokumen dan pelbagai aktiviti lain (Al-Barashdi *et al.*, 2015). Kemudahan untuk melihat dan merakam gambar serta video secara mudah yang terdapat di telefon mudahalih turut menyumbang kepada meningkatkan penggunaan telefon pintar.

Menurut Song *et al.* (2013), sebanyak 40% daripada rakyat Malaysia mempunyai lebih daripada dua mudahalih dalam kehidupan sehariannya. Hal ini disebabkan kebanyakan daripada mereka tidak mahu mencapur urusan peribadi dengan urusan kerja. Ini juga turut disokong oleh (Park & Lee, 2012) yang melaporkan para pelajar dalam kajian mereka banyak menghabiskan masa sebanyak 16 jam sehari secara min dengan penggunaan mudahalih. Penggunaan teknologi menjadi pemangkin asas dalam kehidupan harian masyarakat termasuklah kanak-kanak.

Terdapat beberapa segelintir pelajar menggunakan mudahalih atas sebab pembelajaran. Hal ini turut dijelaskan oleh Song *et al.* (2013) bahawa meskipun telefon pintar mempunyai banyak potensi untuk digunakan untuk pembelajaran dan pengurusan, namun tahap penggunaannya untuk tujuan ini masih pada tahap yang rendah. Justeru dalam kajian (Park & Lee, 2012) membuktikan bahawa majoriti pelajar universiti dalam kajian mereka menunjukkan minat yang tinggi dalam penggunaan telefon pintar untuk tujuan pembelajaran, pengurusan universiti dan menganggap ia sebagai satu kemestian seiring dengan era perkembangan teknologi telefon pada masa kini. Selain itu, penggunaan aplikasi yang terdapat dalam telefon mudahalih akan menjadi lebih menarik dan berkesan dapat menceriaikan dan menghiburkan lagi pengguna mudahalih tersebut (Radesky *et al.*, 2015).

Selain itu, penggunaan mudahalih turut mempengaruhi kanak-kanak dan keluarga mereka. Menurut dalam kajian (Marsh *et al.*, 2017), kanak-kanak menggunakan mudahalih untuk bermain

permainan dalam telefon mudahalih tersebut, sementara ada juga melaporkan bahawa kanak-kanak menggunakan peranti telefon mudahalih untuk pelbagai aktiviti. Dalam kajian ini juga menyebut, kebanyakan kanak-kanak dapat menggunakan peranti mudahalih tanpa sebarang masalah. Segelintir daripada mereka memerlukan pertolongan tetapi hanya pada awal. Setelah itu mereka cepat belajar dan menjadi pengguna yang mahir setiap kali mereka menggunakan mudahalih. (Marsh *et al.*, 2017).

Berdasarkan hasil latar belakang kajian, maka kesimpulan dapat dinyatakan bahawa kajian terhadap penggunaan telefon mudahalih pada kalangan kanak-kanak bawah umur mendatangkan kebaikan dan juga keburukan. Jesteru itu, kajian ini perlu dikaji untuk mengetahui pandangan atau pendapat terhadap penggunaan telefon mudahalih pada kalangan kanak-kanak.

1.1 Pernyataan Masalah

Menurut kajian oleh Radesky *et al.* (2015) merumuskan pada ketika ini generasi sekarang adalah generasi kanak-kanak telah didedahkan dengan peranti mudahalih sejak lahir. Secara khususnya, kebanyakan ramai pengguna telah menggunakan mudah alih dan telah mencapai tahap tertinggi dalam penggunaannya. Menurut Nielsen (2013), memperlihatkan angka penggunaan peranti mudah alih dengan akses internet semakin meningkat dari hari ke hari. Melalui laporan yang telah dikeluarkan oleh (Nielsen, 2013), menyatakan Malaysia merupakan antara pengguna tegar, dimana ia diperlihatkan pengguna Malaysia menggunakan dan menghabiskan menggunakan mudah alih sekurang-kurangnya 20 jam setiap minggu. Hasil kajian menyatakan bahawa penggunaan desktop dan juga telefon mudah alih adalah pada angka yang sama untuk isi rumah iaitu pada 77%, berbanding peranti mudahalih yang lain (Nielsen, 2013).

Pada usia yang muda, anak-anak akan semakin menjelajah Internet dengan jangka masa yang lama dan pelbagai cara untuk mencapai akses yang mereka kehendaki (Livingstone, 2014). Malah, dari artikel Aziz (2020) juga mengatakan bahawa seorang kanak-kanak seawal usia 2 tahun dapat mengendalikan dan mengetahui cara menggunakan gajet. Dengan pemberian telefon mudahalih ini juga dapat mengelak daripada anak mereka membuat bising atau menangis terutamanya apabila berada di tempat awam (Aziz, 2020).

Keprihatin utama bagi kanak-kanak adalah mengenai kesihatan mereka apabila menggunakan telefon mudahalih tanpa terkawal dapat mengundang bahaya. Berdasarkan kajian yang dapat dilihat daripada artikel Jones (2014) mengatakan bahawa penggunaan mudahalih yang berlebihan akan menyebabkan kesan psikological yang negatif kepada pengguna. Hal ini dapat dilihat apabila kanak-kanak mudah terpengaruh dan ketagihan menggunakan mudahalih tanpa memerhatikan keadaan sekeliling (Omar, 2017).

Berdasarkan Mahidin (2019) mengatakan bahawa sembilan daripada sepuluh kanak-kanak berumur dalam lingkungan 5-17 tahun menggunakan Internet dan ini menyebabkan mereka terdedah kepada pelbagai risiko-risiko dalam talian umpamanya kandungan yang kurang sesuai, buli siber, berkomunikasi dengan individu yang tidak dikenali dan penipuan dalam talian. Kanak-kanak menjadi mudah terikut dengan permainan atau video yang dimainkan dalam mudahalih dan dapat memberi perubahan kepada kognitif, sikap dan tingkah laku yang agresif (Ismail, 2020).

1.2 Persoalan Kajian

- (i) Apakah persepsi ibu bapa terhadap penggunaan telefon mudahalih daripada aspek pemilikan, penggunaan dan pembelian pada kalangan kanak-kanak?
- (ii) Apakah aspek yang paling mempengaruhi persepsi ibu bapa terhadap penggunaan telefon mudahalih kanak-kanak?

1.3 Objektif Kajian

- (i) Untuk mengenalpasti persepsi ibu bapa terhadap penggunaan telefon mudahaloh daripada aspek pemilikan, penggunaan dan pembelian pada kalangan kanak-kanak.
- (ii) Untuk menentukan aspek yang paling mempengaruhi persepsi ibu bapa terhadap penggunaan telefon mudahaloh kanak-kanak.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini menjelaskan kepada hubungan antara tahap penggunaan telefon mudahaloh pada kalangan kanak-kanak terhadap persepsi ibu bapa. Hasil kajian ini boleh digunakan oleh pihak Kementerian Pelajaran untuk mengetahui persepsi ibu bapa terhadap pemilikan, penggunaan dan pembelian telefon mudahaloh pada kalangan kanak-kanak. Selain daripada itu, ibu bapa juga boleh mengambil langkah berwaspada sebelum hendak membelikan telefon mudahaloh kepada anak-anak. Kajian ini juga boleh digunakan oleh semua pihak dalam isu penggunaan telefon mudahaloh dalam kalangan kanak-kanak pada masa akan datang.

2. Kajian Literatur

2.1 Pemilikan

Menurut kajian yang dilakukan oleh Marsh *et al.* (2017) di tujuh negara di Eropah melibatkan 3500 kanak-kanak berusia 9 hingga 17 tahun, akses internet kanak-kanak dan penggunaan telefon mudahaloh dipengaruhi oleh tahap pendidikan ibu bapa dan pemilikan ibu bapa menggunakan peranti digital. Disamping itu, kajian ini juga berpendapat bahawa terdapat peningkatan jumlah pengguna aktif lebih lima tahun kebelakangan ini di kalangan kanak-kanak yang lebih tua (berumur 10-16 tahun). Ini juga setara dengan peratusan yang lebih tinggi atas pemilikan mudahaloh dari tahun ke tahun (Lenhart *et al.*, 2015). Mereka juga berpendapat bahawa pemilikan telefon mudahaloh menawarkan lebih tinggi privasi, kemudahan dan akses berterusan ke internet (Marsh *et al.*, 2017).

Berdasarkan hasil kajian Iannelli (2020), penyelidik mendapati pemilikan telefon mudahaloh ini akan memudahkan kanak-kanak untuk menghubungi keluarga di mana sahaja mereka berada. Hal ini turut disokong dalam kajian Razali *et al.* (2019) media di dalam mudahaloh haruslah digunakan secara berhemah dan dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim dengan orang sekeliling. Hubungan positif yang dijumpai dalam kajian Quinn dan Oldmeadow (2013) menyatakan perasaan untuk bersosial dan memiliki mudahaloh lebih kepada kanak-kanak lelaki yang berumur 5 hingga 12 tahun.

Dengan pemilikan telefon mudahaloh merupakan langkah yang akan mendorong kanak-kanak untuk menjadi bebas dalam penggunaannya (Omar, 2017). Berdasarkan Alim dan Zakaria (2008), pemilikan telefon mudahaloh boleh mendatangkan kesan kepada persepsi ibu bapa. Dengan pemilikan ini, ibu bapa perlu mengambil peranan dalam mengawasi dan mengawal penggunaan telefon mudahaloh agar tidak memudaratkan.

H1: Terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara pemilikan telefon mudahaloh dengan persepsi ibubapa

2.2 Penggunaan

Berdasarkan Salmah dan Malisah (2016) menyatakan bahawa pengaruh daripada teknologi yang sedia ada sekarang, penggunaan telefon mudahaloh pada kalangan kanak-kanak semakin meningkat. Menurut Mutakhir (2019) sesetengah ibu bapa pada masa sekarang mendidik anak mereka untuk menggunakan gajet sejak kecil sehingga mereka leka bermain. Terdapat kesan negatif yang akan mempengaruhi perkembangan sosial kanak-kanak (Salmah & Malisah, 2016). Antaranya adalah penguasaan bahasa yang lemah dan kekurangan kemahiran sosial termasuk ketidakmampuan

memahami bahasa tubuh (Ahmad, 2020). Hal ini disebabkan, mereka cenderung mempelajari sesuatu baru berdasarkan pemerhatian sekeliling (Jamil, 2019).

Walaupun begitu, terdapat juga kajian yang menyatakan bahawa majoriti ibu bapa menunjukkan rasa bimbang dengan penggunaan teknologi dan kesannya kepada kehidupan sosial anak-anak-anak. (Mcnamara & Characteristics, 1983). Teknologi juga boleh bertindak sebagai salah satu cara atau medium komunikasi untuk kanak-kanak membina dan mengekalkan emosi dengan rakan-rakan yang jauh melalui medium sosial media yang terdapat di dalam gajet tersebut. Ini juga disokong dalam kajian Hsin *et al.* (2014) menyatakan bahawa terdapat penggunaan mudahalih oleh kanak-kanak secara berkumpulan akan dapat membantu perkembangan sosian kanak-kanak berbanding penggunaan secara bersendirian.

H2: Penggunaan telefon mudahalih mempunyai kesan positif terhadap persepsi ibubapa.

2.3 Pembelian

Penjualan telefon pintar semakin meningkat sepanjang tahun (Pemberian *et al.*, 2014). Pada masa kini, terdapat segelintir kanak-kanak sanggup tidak berbelanja wang saku hanya mahu berjimat untuk membelikan prepaid telefon mudahalih masing-masing (Alim & Zakaria, 2008). Menurut Masri dan Shaari, (2006), kebanyakan ibu bapa mereka mampu untuk membelikan telefon mudahalih kepada anak-anak dengan alasan untuk mengawasi dan demi keselamatan anak-anak di sekolah. Dalam kajian Alim dan Zakaria (2008) mencatatkan peratus sebanyak 2.5% bersetuju apabila responden membelikan telefon bimbit yang mahal dan berjenama supaya anak responden nampak lebih bergaya.

3. Metodologi Kajian

3.1 Pengumpulan Data

Pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan borang soal selidik. Soalan soal selidik telah di bentuk untuk mengenal pasti persepsi ibu bapa terhadap penggunaan mudahalih pada kalangan kanak-kanak di Parit Raja, Johor.

3.2 Populasi dan Sampel Kajian

Populasi bagi kajian ini adalah sebanyak 3046 penduduk di Parit Raja, Johor (MPBP, 2010). Oleh kerana itu, sampel di dalam kajian ini dipilih berdasarkan penentuan saiz sampel (Krejcie & Morgan, 1970) iaitu 341 sampel yang disenaraikan saiz sampel bersesuaian dengan saiz populasi kajian.

3.3 Analisis Data

Dalam menjalankan kajian ini, analisis data telah dijalankan selepas pengumpulan data dilakukan. Analisis data dilakukan dengan berpandukan kepada objektif kajian iaitu persepsi ibu bapa terhadap penggunaantelefon mudahalih pada kalangan kanak-kanak. Data kajian ini dianalisis menggunakan perisian IBM Statistical Package for The Soscial Science (SPSS) versi 24. SPSS adalah program perisian yang digunakan untuk memasukkan semua data dan hasilnya akan dianalisis dan akan dibincangkan dalam Bab 4. Pada bahagian A dan B, skala nominal digunakan untuk mengukur data. Manakala Bahagian C pula, Skala Likert 5 digunakan untuk mengukur factor yang mempengaruhi pemilikan, penggunaan dan pembelian dengan persepsi ibu bapa terhadap telefon mudahalih.

4. Results and Discussion

4.1 Analisis Data dan Penemuan

Populasi sasaran penyelidikan ini dilakukan terhadap ibu bapa kepada kanak-kanak di Parit Raja, Johor. Mengikut populasi responden yang perlu menjawab dalam soal selidik adalah 341 responden. Oleh kerana soal selidik dibuat secara tidak langsung, responden yang menjawab soal selidik ini adalah sebanyak 264 responden.

4.2 Hipotesis

Jadual 1 menunjukkan hasil ujian hipotesis yang diringkaskan. Berdasarkan itu, semua ujian hipotesis diterima kerana nilai $p < 0.05$. Ini bermaksud semua data itu adalah penting. Jadual 1 menunjukkan Pekali korelasi tertinggi ialah H_3 dengan 0.534 menunjukkan bahawa pembelian adalah faktor terpenting yang mempengaruhi persepsi ibu bapa. Diikuti oleh pemilikan dan penggunaan dengan nilai korelasi 0.456 dan 0.445.

Jadual 1: Hasil ujian hipotesis

	Hipotesis	Pekali korelasi	Kepentingan	Hipotesis diterima atau ditolak
H_1	Terdapat hubungan yang signifikan antara pemilikan dan persepsi ibubapa	0.456	0.000	Diterima
H_2	Terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan dan persepsi ibubapa	0.445	0.000	Diterima
H_3	Terdapat hubungan yang signifikan antara pembelian dan persepsi ibubapa	0.534	0.000	Diterima

4.3 Perbincangan

Jadual 2: Persoalan kajian dan objektif

Soalan kajian	Objektif kajian	Hip	Hasil	Disokong
Apakah persepsi ibu bapa terhadap penggunaan telefon mudah alih daripada aspek pemilikan, penggunaan dan pembelian pada kalangan kanak-kanak?	Mengenalpasti persepsi ibu bapa terhadap penggunaan telefon mudah alih daripada aspek pembelian, penggunaan dan pemilikan telefon mudah alih pada kalangan kanak-kanak.		S2 = 4.095 S4 = 4.091 S1 = 4.087 S3 = 2.689	Hasil menunjukkan bahawa S2 mempunyai tahap kesepakatan min yang tertinggi. Diikuti dengan S4, S1 dan S3. Oleh itu, semua soalan menunjukkan positif terhadap persepsi ibu bapa dalam penggunaan telefon mudah alih pada kalangan kanak-kanak. Tetapi hanya S3 yang mempunyai hasil yang rendah yang bermaksud ibu bapa beranggapan bahawa ada sesetengah kanak-kanak yang tidak berkeinginan untuk mempunyai telefon mudah alih.
Apakah aspek yang paling mempengaruhi persepsi ibu bapa terhadap penggunaan telefon mudah alih kanak-kanak?	Menentukan aspek yang paling mempengaruhi persepsi ibu bapa terhadap penggunaan telefon mudah alih kanak-kanak	H_1	$r = 0.456$ $p = 0.000$	Hasil menunjukkan bahawa H_1 , H_2 dan H_3 diterima. Terdapat hubungan yang signifikan antara pemilikan, penggunaan dan pembelian terhadap persepsi ibu bapa.

(a) Objektif 1

Terdapat empat soalan yang ditanyakan di bahagian persepsi ibu bapa. Soalan 1 adalah “Saya memberikan anak saya telefon mudahalih supaya mudah dihubungi”. Soalan ini dikemukakan adalah untuk mengetahui sejauh mana pertimbangan bahawa telefon mudahalih ini mudah dihubungi. Soalan 2 adalah “Saya mudah untuk mengesan lokasi keberadaan anak saya” yang menunjukkan tujuan penelitian ini untuk mengetahui kemungkinan insentif telefon mudah alih dapat mengesan lokasi anak apabila memiliki telefon mudahalih. Soalan 3 adalah “Anak saya berkeinginan untuk mempunyai telefon mudahalih”. Tujuan soalan 3 adalah untuk mengetahui bagaimana perasaan kanak-kanak apabila mereka memiliki telefon mudahalih. Soalan 4 pula adalah “Saya mahu anak saya membiasakan diri dengan teknologi mudahalih”. Soalan ini dikemukakan untuk mengenalpasti perasaan ibu bapa apabila anak mereka memiliki telefon mudahalih.

(b) Objektif 2

Tujuan objektif yang kedua adalah untuk menentukan hubungan antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar. Pembolehubah bebas terdiri daripada pemilikan, penggunaan dan pembelian telefon mudahalih manakala pembolehubah bersandar iaitu persepsi ibu bapa. Kesan pembolehubah bebas terhadap pembolehubah bersandar akan dibincangkan berdasarkan hasil yang diperolehi dari bab empat. Hasil analisis korelasi Spearman menunjukkan bahawa terhadap pengaruh signifikan terhadap pemilikan, penggunaan dan pembelian.

(i) Kesan Pemilikan terhadap persepsi ibubapa

H_1 : Terdapat hubungan yang signifikan antara pemilikan dengan persepsi ibu bapa. Hubungan antara pemilikan dan persepsi ibu bapa didapati signifikan dan mempunyai hubungan positif di mana terdiri pekali korelasi Spearman $r = 0.456$ dan nilai signifikan $p = 0.00$ yang kurang dari 0.05. Oleh itu, H_1 diterima. Hasil kajian menunjukkan bahawa pemilikan adalah salah satu faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan persepsi ibu bapa. Setelah itu, pemilikan telefon mudahalih memainkan peranan penting dalam kalangan kanak-kanak yang dapat mempengaruhi persepsi banyak pihak pada ketika ini. Ini disebabkan pemilikan telefon mudahalih dapat meninggalkan kesan yang baik dan buruk (Samsudin & Yusof, 2020). Sebanyak 36 peratus daripada kanak-kanak memiliki gajet mereka sendiri (Aziz, 2020) dan 78.3% dalam kalangan ibu bapa membenarkan anak mereka memiliki gajet (Berita Nasional, 2018).

(ii) Kesan Penggunaan terhadap persepsi ibubapa

H_2 : Terdapat hubungan yang signifikan antara norma subjektif dan niat pengguna. Hubungan antara norma subjektif dan niat membeli pengguna didapati signifikan dan mempunyai hubungan positif di mana terdiri pekali korelasi Spearman $r = 0.445$ dan nilai signifikan $p = 0.00$ yang kurang dari 0.05. Oleh itu, H_2 diterima. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan adalah salah satu faktor yang menyumbang kepada peningkatan persepsi ibu bapa.

Penggunaan telefon pada kalangan kanak-kanak berumur 2 hingga 10 tahun dapat memenuhi kehendak pembelajaran di rumah dengan lebih berkesan (Rideout, 2014). Kebanyakan kanak-kanak akan mengetahui penggunaannya teknologi dengan sendiri dan membantu mereka dalam pembelajaran seterusnya menerapkan budaya dalam kekeluargaan (Gunadi, 2001). Selain daripada itu, kanak-kanak juga menggunakan telefon mudahalih untuk memudahkan mereka menghubungi dan menghantar pesanan (GSMA and NTT Docomo, 2012).

(iii) Kesan Pembelian terhadap persepsi ibubapa

H_3 : Terdapat hubungan yang signifikan antara pembelian dan persepsi ibu bapa. Hubungan antara pembelian dan persepsi ibu bapa didapati signifikan dan mempunyai hubungan positif di mana terdiri dari pekali korelasi Spearman $r = 0.534$ dan nilai signifikan $p = 0.00$ yang kurang dari 0.05.

Oleh itu, H₃ diterima. Hasil kajian menunjukkan bahawa tingkah laku yang dirasakan adalah salah satu faktor yang menyumbang kepada peningkatan niat membeli pelanggan.

Ibu bapa membuat pelaburan besar dalam menyediakan telefon mudahalih kepada anak mereka supaya memudahkan pembelajaran di rumah (Tahir & Arif, 2015). Ibu akan membuat keputusan dalam pemilihan peranti telefon dan penyediaan perkhidmatan telefon yang bersesuaian dengan anak mereka (Neulinger & Zsótér, 2014). Kanak-kanak juga tertarik dengan telefon yang terkini dengan selalu membeli dan memakai telefon dengan model baru supaya tidak ketinggalan zaman (Watimah, 2019). Bapa memenuhi kehendak anak mereka dengan membelikan telefon supaya mudah melakukan pembelajaran (Rosli, 2019).

5. Kesimpulan

Kesimpulan yang dapat dibuat melalui penyelidikan ini mencapai objektif-objektif yang dikendaki dengan hasil yang positif. Ini dapat dikenalpasti melalui faktor utama dalam penggunaan telefon mudahalih yang meningkatkan persepsi ibu bapa iaitu pemilikan, penggunaan dan pembelian. Dari hasil secara keseluruhan menunjukkan pembelian adalah faktor yang tertinggi secara positif mempengaruhi penggunaan telefon mudahalih. Faktor ini boleh dinyatakan bahawa seseorang telah dipengaruhi dengan pembelian telefon mudahalih pada kalangan kanak-kanak.

Penghargaan

Terima kasih kepada Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atas sokongan dalam menyiapkan kajian ini.

Rujukan

- Ahmad, S. Z. (2020). Tahap Penguasaan Kemahiran Menulis Kanak-Kanak 5+ Dan 6+ Tahun. 5, 99–111.
- Al-Barashdi, H., Bouazza, A., & Jabur, N. (2015). Smartphone Addiction among University Undergraduates: A Literature Review. *Journal of Scientific Research and Reports*, 4(3), 210–225. <https://doi.org/10.9734/jsrr/2015/12245>.
- Alim, A. P., & Zakaria, N. A. (2008). Persepsi Ibu Bapa Melayu Muslim Bandar Terhadap Penggunaan Telefon Bimbit Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah.
- Aziz, F. (2020). Gajet membantu atau merosakkan perkembangan anak anda? Diperolehi daripada <https://hellodokter.com/keibubapaan/tips-keibubapaan/gajet-membantu-atau-merosakkan-perkembangan-anak-anda/#gref>.
- Berita Nasional. (2018). Hadkan anak guna gajet elak rosak penglihatan. Diperolehi daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/03/405643/hadkan-anak-guna-gajet-elak-rosak-penglihatan>.
- GSMA and NTT Docomo. (2012). Children's use of mobile phones: An international comparison 2012. 1–70. Diperolehi daripada <http://www.gsma.com>
- Gunadi, P. (2001). Peranan Faktor Masa Depan dalam Pembimbingan Remaja. *Veritas: Jurnal Teologi Dan Pelayanan*, 2(1), 9–20. <https://doi.org/10.36421/veritas.v2i1.55>.
- Hsin, C. T., Li, M. C., & Tsai, C. C. (2014). The influence of young children's use of technology on their learning: A review. *Educational Technology and Society*, 17(4), 85–99.
- Iannelli, V. (2020). Kanak-kanak dan Telefon Bimbit. Diperolehi daripada <https://ms.drafare.com/kanak-kanak-dan-telefon-bimbit/>.
- Ismail, S. N. M. A., & S. N. M. (2020). Kesan Permainan Video terhadap Perkembangan Kanak-Kanak. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(1), 107–118.
- Jones, T. (2014). Students' cell phone addiction and their opinions. *The Elon Journal of Undergraduate Research in Communications*, 5(1), 74–80.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. (1970). Small-Sample Techniques. *The NEA Research Bulletin*, 30, 607–610..

- Lenhart, B. Y. A., Smith, A., Anderson, M., Duggan, M., & Perrin, A. (2015). Teens, Technology & Friendships: Video games, social media and mobile phones play an integral role in how teens meet and interact with friends. Pew Research Center's Internet & American Life Project, 1–76.
- Lim Lay-Yee, K., Kok-Siew, H., & Chan Yin-Fah, B. (2013). Factors Affecting Smartphone Purchase Decision Among Malaysian Generation Y. *International Journal of Asian Social Science International Journal of Asian Social Science* ISSN International Journal of Asian Social Science, 3(312), 2426–2440.
- Livingstone, S. (2014). EU Kids Online: Findings, methods, recommendations. Diperolehi daripada <https://lisedesignunit.com/EUKidsOnline/>.
- Mahidin, D. S. D. M. U. (2019). Siaran Akhbar Statistik Jenayah. November, 1–4. Diperolehi daripada <https://www.mcmc.gov.my/ms/media/press-releases/online-video-and-voice-record-biggest-growth-among>.
- Manaf, S. Z. A., Zaid, A. S. M., Din, R., Hamdan, A., Salleh, N. S. M., Kamsin, I. F., Karim, A. A., & Lubis, M. A. (2015). Aplikasi Mudah Alih Panduan Solat dan Pengunaannya. *Ulum Islamiyyah Journal*, 16, 43–61.
- Marsh, J., Hannon, P., Lewis, M., & Ritchie, L. (2017). Young children's initiation into family literacy practices in the digital age. *Journal of Early Childhood Research*, 15(1), 47–60. <https://doi.org/10.1177/1476718X15582095>.
- Menamara, R., & Characteristics, P. C. (1983). The Effects of Technology on. 1–58.
- MPBP. (2010). Jumlah Penduduk Mengikuti Etnik. Diperolehi daripada <https://www.mpbp.gov.my/ms/files/jumlah-penduduk-mengikuti-etnik>.
- Mutakhir. (2019). 78% ibu bapa benar anak miliki gajet. MyMetro. Diperolehi daripada <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/11/521158/78-ibu-bapa-benar-anak-miliki-gajet>.
- Neulinger, Á., & Zsótér, B. (2014). Mother-child interactions in youth purchase decisions. *Society and Economy*, 36(3), 387–406. <https://doi.org/10.1556/SocEc.36.2014.3.4>.
- Nielsen. (2013). The Mobile Consumer: A Global Snapshot. February, 11. Diperolehi daripada <http://www.nielsen.com/content/dam/corporate/uk/en/documents/Mobile-Consumer-Report-2013.pdf>.
- Omar, A. (2017). Permainan Mudah Alih dan Kanak-kanak. *Ideology*, 2(1), 137–149. Diperolehi daripada <http://ideologyjournal.com/ojs/index.php/ideology/article/view/17>.
- Park, N., & Lee, H. (2012). Social implications of smartphone use: Korean college students' smartphone use and psychological well-being. *Cyberpsychology, Behavior, and Social Networking*, 15(9), 491–497. <https://doi.org/10.1089/cyber.2011.0580>.
- Pemberian, P., Intravena, K., Terhadap, B., Gula, K., Tikus, D., Andila, L. F., Pendidikan, P., Kedokteran, S., Kedokteran, F., & Diponegoro, U. (2014). Laporan hasil karya tulis ilmiah.
- Quinn, S., & Oldmeadow, J. A. (2013). Is the i-generation a “we” generation? Social networking use among 9- to 13-year-olds and belonging. *British Journal of Developmental Psychology*, 31(1), 136–142. <https://doi.org/10.1111/bjdp.12007>.
- Radesky, J. S., Schumacher, J., & Zuckerman, B. (2015). Mobile and interactive media use by young children: The good, the bad, and the unknown. *Pediatrics*, 135(1), 1–3. <https://doi.org/10.1542/peds.2014-2251>.
- Razali, N. A., Islam, M., Ed, K. A., Seminar, P., Teknologi, S., Rahman, A., Husna, S. N., Kashim, M., Ariff, M. I., & Adnan, M. (2019). Media Sosial dan Impak Negatif Menurut Islam. 1(2003).
- Rideout, V. J. (2014). Learning at home : media use in America. A report of the Families and Media Project. January, 52. Diperolehi daripada http://www.joanganzcooneycenter.org/wp-content/uploads/2014/01/jgcc_learningathome.pdf.
- Rosli, F. (2019). “Hargailah ayah anda” Ayah beli telefon untuk anak guna duit syiling buat netizen sebak. Diperolehi daripada <https://lobakmerah.com/hargailah-ayah-anda-ayah-beli-telefon-untuk-anak-guna-duit-syiling-buat-netizen-sebak/>.
- Saharudin, E. (2019). Ini Cara Terbaik Mengawal Telefon Pintar Android Milik Anak. Diperolehi daripada <https://amanz.my/2019222610/>.
- Salmah, O., & Malisah, L. (2016). Pengaruh Peranti Teknologi Kepada Perkembangan Sosial Dan Permasalahan Kesihatan Kanak-Kanak. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*, October 2015, 1–11.
- Samsudin, A. R., & Yusof, H. M. (2020). Penggunaan Gajet Terhadap Perkembangan Kanak-Kanak Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak (Special Issue)*, 9, 113–126. Diperolehi daripada <https://ejournal.upsi.edu.my/journal/JPAK>.
- Song, H. S. Y., Murphy, A., & Farley, H. (2013). Mobile devices for learning in Malaysia: Then and now. 30th Annual Conference on Australian Society for Computers in Learning in Tertiary Education, ASCILITE 2013, 830–834.
- Tahir, R., & Arif, F. (2015). Mobile technology in children education: Analyzing parents' attitude towards mobile technology for children. *Proceedings of the 2015 Science and Information Conference, SAI 2015*, July, 410–420. <https://doi.org/10.1109/SAI.2015.7237175>.

Watimah, T. W. (2019). Model perilaku konsumen terhadap pembelian handphone menurut teori konsumsi islam (Studi Kasus Pada Masyarakat Muslim Desa Kalibalik Kecamatan Banyuputih Kabupaten Batang). Skripsi, 285–287.